

# Topik: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

## Klasifikasi Akaun

### TUJUAN PENYATA KEWANGAN

- Tujuan perakaunan adalah untuk menyediakan maklumat kewangan yang berguna. Maklumat kewangan yang penting bagi pengguna adalah **Penyata Pendapatan** dan **Penyata Kedudukan Kewangan**.
- Penyata pendapatan bertujuan mengukur prestasi (keuntungan) perniagaan bagi satu tempoh perakaunan. Cara pengukuran adalah dengan memadankan **HASIL** satu tempoh perakaunan dengan **BELANJA** bagi tempoh perakunan yang sama. Maka, komponen penyata pendapatan adalah hasil dan belanja.
- Penyata kedudukan kewangan pula bertujuan menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan pada sesuatu titik masa tertentu. Seperti dibincangkan sebelum ini, komponen kedudukan kewangan terdiri daripada **ASET**, **LIABILITI** dan **EKUITI PEMILIK**.

### ELEMEN PENYATA KEWANGAN DAN KLASIFIKASI AKAUN

- Dalam istilah perakaunan, komponen ASET, LIABILITI, EKUITI PEMILIK, HASIL dan BELANJA dikenal sebagai **elemen penyata kewangan**.
- Merekod urus niaga perniagaan dengan menunjukkan kesan ke atas elemen penyata kewangan sahaja tidak cukup. Perekodan harus lebih terperinci. Pengguna memerlukan maklumat mengenai setiap item aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil dan belanja.

- Akaun diwujudkan untuk setiap item elemen penyata kewangan supaya maklumat terperinci berkaitan dengan kesan urus niaga terhadap item-item ini dapat diberikan. **Akaun** adalah satu rekod berasingan bagi setiap item elemen penyata kewangan yang menunjukkan penambahan atau pengurangan item tersebut dalam perniagaan.

### **TUJUAN KLASIFIKASI AKAUN:**

- Persempahan di penyata kewangan
- Pemahaman ciri-ciri secara umum
- Pembentukan tatacara, polisi atau kaedah perakaunan yang sesuai
- Membantu dalam proses analisis

- Klasifikasi akaun-akaun elemen penyata kewangan:

### **ASET**

Beberapa cara untuk klasifikasikan aset:

1. Aset ketara atau aset tak ketara
2. Aset kewangan atau aset bukan kewangan
3. Aset semasa atau aset bukan semasa

### **Aset ketara atau Aset tak ketara**

Aset ketara adalah aset-aset yang mempunyai bentuk fizikal seperti kenderaan, perabot, akaun belum terima dan sebagainya. Aset tak ketara tidak mempunyai bentuk fizikal tetapi mempunyai keupayaan menjana hasil kepada perniagaan sama seperti aset ketara. Contoh aset tak ketara adalah muhibah, paten, belanja pembangunan, hak cipta, jenama dan cap / tanda dagangan.

## **Aset kewangan atau Aset bukan kewangan**

Aset kewangan adalah aset-aset yang mempunyai keupayaan untuk ditukarkan kepada nilai matawang yang tetap pada bila-bila masa. Memegang aset-aset ini pada masa inflasi akan mengurangkan kuasa beli perniagaan. Contoh aset kewangan adalah tunai, bank, akaun belum terima, sekuriti boleh dagang, nota belum terima dan sebagainya.

- Pada peringkat pembelajaran ini, pengelasan aset kepada **aset semasa** dan **aset bukan semasa** adalah penting sekali. Ini adalah kerana persembahan di penyata kedudukan kewangan adalah mengikut pengelasan ini serta rumus-rumus analisa nisbah juga akan menggunakan pengelasan ini.

## **Aset semasa atau Aset bukan semasa**

### **Aset Semasa**

- Merupakan aset-aset yang boleh dittukarkan kepada tunai dalam tempoh masa satu tahun.
- Juga dikenali sebagai aset-aset cair (senang ditukarkan kepada tunai)
- Contoh: Inventori, Akaun belum terima, Belanja terdahulu (Sewa terdahulu, Insurans prabayar, Faedah belum bayar, dan lain-lain), Hasil terakru (Faedah belum terima, Komisen diterima terakru, Hasil perkhidmatan terakru, dan lain-lain), Deposit sewa atau kadar bayaran, Pelaburan jangka masa pendek (simpanan tetap dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun, sekuriti boleh dagang dan lain-lain), Inventori alat tulis, Bekalan pejabat, Bank, Tunai dan sebagainya.
- Penyenaraian aset semasa di penyata kedudukan kewangan dibuat bermula daripada aset semasa yang paling sukar ditukarkan kepada tunai kepada yang paling mudah ditukarkan kepada tunai. Anda juga boleh menyenaraikan aset semasa yang mudah cair terdahulu dan diikuti dengan kedua cair dan selanjutnya. Penyenaraian sebegini dikatakan sebagai **urutan kecairan**. Lihat contoh di bawah.

## **Aset bukan Semasa**

- Merupakan aset produktif yang akan digunakan dalam perniagaan untuk satu jangka masa yang lama, iaitu lebih daripada satu tahun kewangan perniagaan.
- Aset ini berciri tahan lama dan lazimnya, disusutnilaikan sepanjang tempoh usia gunanya.
- Contoh: Tanah, Bangunan, Premis, Loji, Kenderaan, Mesin, Perabot, Lengkapan, Alatan pejabat, Pelaburan jangka panjang, Aset-aset tak ketara dan sebagainya.
- Penyeneraian aset bukan semasa adalah berdasarkan kepada tempoh masa ia digunakan dalam perniagaan. Bermula daripada tempoh masa panjang kepada tempoh masa pendek. Anda juga boleh mula dengan aset bukan semasa yang kurang kekal terdahulu. Penyeneraian begini dikatakan sebagai **urutan kekalan**. Lihat contoh

### **Contoh Penyeneraian Aset di Penyata Kedudukan Kewangan:**

#### **ASET BUKAN SEMASA:**

Tanah  
Bangunan / Premis  
Loji  
Mesin  
Kenderaan  
Perabot  
Lengkapan  
Alatan pejabat  
Pelaburan jangka panjang

#### **ASET SEMASA:**

Inventori  
Akaun belum terima  
Deposit sewa dan kadarbayaran  
Belanja terdahulu  
Hasil terakru  
Bank  
Tunai

- Liabiliti diklasifikasikan kepada liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa.

## **Liabiliti semasa atau Liabiliti bukan semasa**

### **Liabiliti Semasa**

- Merupakan hutang atau tanggungan perniagaan yang perlu dijelaskan dalam tempoh masa satu tahun.
- Contoh: Akaun belum bayar, Belanja terakar (Sewa terakar, faedah belum bayar dan lain-lain) Hasil terdahulu (Komisen diterima terdahulu, Hasil Sewa terdahulu dan lain-lain), Bil belum bayar, Deposit sewa diterima, Bank overdraf dan sebagainya.
- Ia boleh disenaraikan mengikut urutan tempoh pemasaan penjelasan hutang.

### **Liabiliti bukan Semasa**

- Merupakan hutang perniagaan yang akan dijelaskan dalam tempoh lebih daripada satu tahun.
- Contoh: Pinjaman bank, Pinjaman jangka panjang, Gadai janji, Pinjaman bercagar, Nota belum bayar (jika tempoh matang adalah lebih daripada satu tahun), Pinjaman pajakan, Bon, Debentur dan sebagainya.
- Penyenaraian akaun-akuan liabiliti bukan semasa adalah juga mengikut tempoh pemasaan penjelasan hutang.

- Ekuiti pemilik dan akaun-akaun berkaitan dengannya adalah:

### **Ekuiti Pemilik**

- Merupakan hak tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan atau pun hutang perniagaan kepada pemilik
- Didefinisikan sebagai baki aset selepas ditolak dengan liabiliti.
- Akaun-akaun yang mewakili ekuiti pemilik adalah:
  - Akaun modal – akaun utama bagi merekodkan sumbangan yang dilakukan oleh pemilik ke dalam perniagaan, untung perniagaan yang terakru kepadanya atau rugi perniagaan yang perlu dibiayai olehnya dan pengeluaran (ambilan) yang dilakukan oleh pemilik dalam satu tempoh masa perakaunan.
  - Akaun ambilan – akaun sementara yang digunakan dalam setiap tempoh perakaunan bagi merekod semua pengeluaran yang dibuat oleh pemilik. Akaun ini akan ditutup ke akaun modal pada akhir tempoh perakaunan untuk menunjukkan pengurangan modal disebabkan oleh pengeluaran yang dibuat oleh pemilik.
  - Akaun untung rugi – akaun sementara yang disediakan pada akhir tempoh bagi tujuan pengukuran untung atau rugi bersih perniagaan. Semua hasil dan belanja perniagaan bagi satu tempoh perakaunan di padankan bagi pengukuran prestasi perniagaan. Untung atau rugi bersih perniagaan akan dipindahkan ke akaun modal.

- Klasifikasi hasil adalah seperti berikut:

### **Hasil**

- Merupakan pendapatan perniagaan dalam satu tempoh perakaunan.
- Pengiktirafan hasil dalam sesuatu tempoh perakaunan adalah berdasarkan kepada **hasil terperoleh** dalam tempoh tersebut dan bukannya mengikut hasil di mana tunai diterima. Pengiktirafan begini mematuhi prinsip pengiktirafan hasil dan belanja, secara spesifiknya, prinsip realisasi.
- Hasil terperoleh bermaksud perniagaan telah membekalkan barang niaga atau perkhidmatan secara sepenuhnya dan ini memberi hak bagi perniagaan menuntut wang berkaitan dengan hasil tersebut.
- Hasil dibahagikan kepada dua, iaitu hasil operasi dan hasil bukan operasi.

### **Hasil operasi**

- Merupakan pendapatan yang terperoleh daripada aktiviti harian perniagaan.
- Hasil ini bergantung kepada jenis perniagaan. Sebagai contoh:
  - Perniagaan dagangan barang niaga – hasil jualan
  - Perniagaan klinik perubatan – Fi rawatan dan jualan ubat-ubatan
  - Perniagaan firma perakaunan – Yuran perkhidmatan
  - Perniagaan agen konsainan – Komisen diterima
  - Perniagaan pelaburan – Hasil dividen atau faedah

### **Hasil bukan operasi**

- Merupakan pendapatan yang terperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti utama perniagaan.
- Contoh hasil bukan operasi bagi sesebuah perniagaan jual beli barang niaga adalah sewa diterima, faedah diterima, dividen diterima, komisen diterima, untung dari pelupusan aset dan sebagainya.

- Klasifikasi belanja adalah seperti berikut:

## **Belanja**

- Belanja adalah perbelanjaan yang terlibat dalam satu tempoh perakaunan bagi memastikan operasi perniagaan dilaksanakan secara lancar.
- Tujuan belanja berlaku adalah untuk memudahkan penjanaan hasil. Maka, pengiktirafan belanja bagi satu tempoh perakaunan adalah mengikut prinsip pemanfaatan (sebahagian daripada prinsip pengiktirafan hasil dan belanja).
- Garis panduan menentukan **belanja terlibat** sesuatu tempoh mengikut prinsip pemanfaatan ini adalah:
  1. Belanja yang boleh dipadankan secara langsung kepada hasil seperti kos barang dijual
  2. Belanja yang boleh dipadankan pada tempoh hasil terperoleh seperti sewa, insurans, faedah dan lain-lain.
  3. Belanja yang diperuntukan kepada tempoh hasil terperoleh seperti susutnilai dan peruntukan hutang rugu
  4. Belanja yang perlu dihapuskira dalam tempoh hasil terperoleh seperti hutang lapuk dan belanja penyelidikan dan pembangunan.

## **Belanja operasi**

- Merupakan belanja yang terlibat secara langsung dengan aktiviti utama perniagaan
- Contoh: Kos barang dijual, sewa, kadar bayaran, komisen, susutnilai, insurans, belanja bekalan pejabat, belanja am dan sebagainya.

## **Belanja bukan operasi**

- Merupakan belanja yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti utama perniagaan. Belanja ini tidak berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan dan hanya berlaku sekali-sekala.
- Contoh: Rugi atas pelupusan aset, faedah pinjaman bank, faedah bank overdraf, yuran guaman untuk mendapatkan pinjaman, dan sebagainya.